

Assalamualaikum WBT

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris  
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En Lio Kwang Meng  
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisham Bin Said  
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati  
Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Kota Tinggi  
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan  
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera dan  
Salam Muafakat Johor

Mencari Timba Si Anak Dara,  
Di Bawah Sarang Burung Tempua,  
Salam Sembah Pembuka Bicara,  
Selamat Datang Untuk Semua.

1. Merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat dari Seluruh warga MDKT kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor sempena Hari Ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Semoga Allah Melanjutkan Usia Tuanku.
2. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris selaku Ketua WHIP MDKT yang baru juga kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik bagi sessi 2016-2018.

*Mencari selasih bersamarakan  
Berehat sebentar Di Sungai mati  
Amanah di Galas, Tugas Dilaksanakan  
Semoga Kita sentiasa diberkati*

3. Buat pengetahuan semua hadirin, sepanjang bulan MAC, pelbagai program mahupun aktiviti yang melibatkan MDKT telah dilangsungkan. "The 2nd Asia Pacific Forum On Urban Resilience And Adaption InConjunction With The 16th International Convention On Melaka Twin Cities 2016" telah di adakan di Melaka pada Awal Bulan MAC. Konvensyen ini telah di hadiri oleh Datuk Bandar dan YDP Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. Ianya telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sendiri dan Majlis Penutupannya pula disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

***Harum sungguh bunga kemboja,  
Disusun dara dari Mandilin;  
Sukan membentuk semangat waja,  
Sentiasa ceria cergas berdisiplin***

4. Buat pengetahuan semua hadirin, Di dalam bulan ini pihak MDKT telah terlibat secara langsung dalam 2 program Sukan di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah Kota Tinggi itu sendiri. Pada 12 hingga 16 mac yang lalu MDKT telah menghantar Kontijen sukan yang di Ketuai oleh saya sendiri Sempena Sukan Johor yang di adakan di Muar. Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta mahupun pegawai yang terlibat.
5. Selain itu MDKT juga telah menganjurkan Pesta Sukan Air Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor di Astaka Budaya Laman Tun Sri Lanang. pada 26 mac yang lalu. Tahniah diucapkan kepada En Mohd Fauzei Bin Hj Mod Ali serta anggota-anggota yang telah terlibat dalam menjayakan pesta sukan air ini dengan jayanya. Penat lelah anda semua amat saya hargai dan kagumi.

***Negara maju aman sejahtera,  
Berkat kepimpinan yang utamakan rakyatnya;  
Perpaduan terbentuk demi cintakan negara,  
Transformasi Berjaya rakyat sejahtera.***

6. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Ahli Majlis yang hadir sama memeriahkan Majlis Pelancaran Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor Dan Rancangan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia Di Kompleks Sukan EduCity Iskandar Puteri Johor dan Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar UTC Johor yang di hadiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 6hb Mac yang lalu.

Para Hadirin yang saya hormati,

7. Ingin saya memetik sebuah hadis di mana Abu Mas'ud berkata, "Nabi bersabda, 'Sesungguhnya matahari dan bulan tidak gerhana kerana meninggal dan hidupnya seseorang. Tetapi, keduanya adalah dua dari tanda-tanda dari kebesaran Allah. Apabila kamu melihatnya, maka berdirilah untuk mengerjakan shalat gerhana.'
8. Berpandukan pada hadis di atas Peringkat Daerah Kota Tinggi telah menganjurkan Majlis Solat sunat Gerhana Matahari Di Masjid As Syifa Bandar Penawar pada 9hb Mac. Terima kasih diucapkan kepada Warga MDKT yang terbabit.

9. Ingin saya mencuri sedikit lagi masa untuk member sedikit penerangan berkenaan Gagasan Johor Berkemajuan yang Menjadi agenda Utama YAB Menteri Besar Johor dalam ucapan beliau semasa Majlis Amanat MeneteriBesar 2016 telah diadakan di Persada Johor pada 4 Februari yang lalu. Terdapat 4 Ciri utama bagi memastikan Gagasan Johor Berkemajuan Berjaya mencapai matlamatnya. Semua PBT seluruh Negeri Johor wajib Menerapkan Gagasan Johor Berkemajuan dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan
10. Ciri yang pertama ialah memastikan Semangat, Pemikiran, Nilai, Sikap Dan Orientasi Kita Sentiasa Menjurus Kepada Masa Depan bagi memastikan Negeri Johor Pesat Membangun bukan hanya dari sudut politik tetapi juga melalui pembangunan pesat Modal Insan. Untuk merealisasikannya, PBT perlu memahami potensi, dan sumber yang ada di kawasan PBT masing-masing ini sehingga ia dapat digunakan dengan seoptimum mungkin
11. Ciri yang kedua pula ialah semua usaha kita di negeri ini mesti berfokus untuk mewujudkan kondisi dan persekitaran yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa. PBT tidak lagi hanya berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan semata, tetapi berfungsi sebagai katalis kepada pembangunan setempat yang akhirnya akan menentukan kemajuan keseluruhan kawasan. Kita perlu berfikir bagaimana kita mahu menjadikan Johor sebagai tempat yang menonjolkan kepelbagaian budaya yang menggambarkan konsep Bangsa Johor dalam kawasan yang kita naungi. Beliau tidak menafikan pembangunan infrastruktur akan sentiasa menjadi elemen utama, namun PBT harus memikirkan bagaimana dengan pembangunan yang ada, kita dapat memperkasa nilai kepelbagaian yang akhirnya membawa kepada kesepaduan dalam berkemajuan.
12. Ciri ketiga pula ialah budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor. PBT perlulah mempunyai gerak kerja yang disusun atur dengan cekap dan berkesan. PBT juga haruslah mengangkat apa yang dikenali sebagai ‘a network government’ iaitu konsep yang menuntut kita semua untuk beroperasi dalam ekosistem yang kompleks dan meliputi pelbagai peringkat. Namun pada masa yang sama masih mampu mencari titik pertemuan yang berkesan.
13. Manakala Ciri yang keempat ialah apa jua yang kita rencanakan mesti melihat perspektif global Pemikiran maju harus mengambil kira sorotan lensa global. Spektrum dunia kita tidak berhenti di sempadan Johor Darul Takzim. Kita hidup dalam lingkungan yang sangat bersifat antarabangsa. Apa jua yang kita lakukan akan menarik perhatian seluruh negara, malah dunia.
14. Untuk Memastikan Gagasan Johor Berkemajuan mencapai matlamatnya kita harus memastikan bahawa ianya bermula dari Daerah kita sendiri. Gagasan Kota Tinggi Berkemajuan harus di angkat menjadi Agenda Utama kita pada tahun ini dengan acuan kita sendiri berlandaskan ciri-ciri yang diberikan sebagai panduan.
15. Matlamat Johor kemajuan adalah bagi memajukan masyarakat yang berfikiran dan mempunyai sistem nilai yang maju, bersusila dan berakal budi. Membentuk pemikiran dan sistem nilai yang seiring dengan pembangunan ekonomi. Mewujudkan satu ajnakan social kepada pemikiran, budaya dan sikap kemajuan serta membina peradaban yang unggul.
16. Betapa pentingnya johor berkemajuan ini kita bukan sahaja ingin menjadi Negara maju tetapi masyarakat maju, terdapat ruang dalam konteks kehidupan yang boleh diubah, ianya juga merupakan satu bentuk tanggungjawab kepada agama dan bangsa dan instrument mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan bangsa dan tanah air.

17. Sebelum saya akhiri ucapan saya kali ini ingin saya berkongsi dengan hadirin semua satu petikan yang menarik untuk kita kongsikan bersama. Mohon izin untuk saya sampaikan dalam bahasa Inggeris. "Yesterday is a history, tomorrow is a mystery and today is a gift. That's way it is called 'present'"

***Pergi Ke Hutan MencariJati  
Terjumpa Pula Ayam Serama  
Ayuhlah Kita BersatuHati  
Kota Tinggi Berkemajuan Agenda Utama***

***Semangat Yang Lemah BuanglahJauh  
Jiwa Yang Kecil Segera Besarkan  
Yakin Percaya Iman Pun Teguh  
Zaman Hadapan PenuhHarapan***

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabilahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warohmatullahiwabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.